



## **SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

---

### **PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020 MEMBANTU INDIVIDU, PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DALAM MENGHADAPI ISU COVID-19**

---

Kerajaan sangat prihatin terhadap kesan negatif yang diakibatkan oleh penularan wabak Covid-19 yang telah menjejaskan antara lain individu-individu serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) untuk memastikan risiko ekonomi akibat penularan wabak ini dapat ditangani dengan efektif berdasarkan strategi yang telah digariskan.

Menerusi PRE2020, Kerajaan telah menyediakan beberapa tabung pembiayaan Kewangan bagi individu dan syarikat PKS yang terkesan. Selain itu, Kementerian Kewangan juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia bagi memastikan pasaran modal dan kewangan terus berfungsi secara telus dan teratur. Pelbagai langkah-langkah<sup>1</sup> telah diambil untuk memastikan individu dan syarikat PKS yang terkesan diberi sokongan yang berpatutan.

Selain peruntukan untuk membantu PKS mengekalkan operasi perniagaan, melindungi pekerjaan dan menggalakkan pelaburan domestik, bank-bank tempatan juga turut mengambil langkah-langkah untuk menyokong individu dan syarikat PKS yang terkesan. Pelbagai bantuan khas, kemudahan pinjaman, kemudahan penyusunan dan penjadualan semula ("Reschedule & Restructuring") serta moratorium selama enam (6) bulan untuk perniagaan, PKS dan individu telah diperuntukkan.

Di samping itu, Kerajaan juga amat prihatin terhadap keadaan kesihatan rakyat Malaysia dan beberapa syarikat insurans dan pengendali takaful telah mengambil inisiatif bagi membantu meringankan beban kepada pemegang polisi mereka dengan memanjangkan faedah insurans bagi pencarum yang terkesan dengan Covid-19.

---

<sup>1</sup> Sila lihat Lampiran 1

Selaras dengan arahan Kerajaan yang telah memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020, Kerajaan mengambil maklum dan prihatin terhadap kesulitan yang dihadapi oleh semua pembayar cukai. Oleh itu, beberapa langkah telah diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)<sup>2</sup> bagi memastikan pembayar cukai dapat mengatur semula urusan percukaian dan seterusnya meringankan kesulitan yang mereka hadapi.

Kementerian Kewangan dan agensi-agensi di bawah Kementerian akan terus bekerjasama dengan sektor kewangan dan pelaburan untuk mengkaji pelaksanaan PRE2020 dan langkah-langkah seterusnya bagi membantu dan menyokong perniagaan dan isi rumah mengikut keperluan semasa.

**YB TENGGU DATO' SRI ZAFRUL AZIZ**

Menteri Kewangan Malaysia, Putrajaya

19 Mac 2020

**Nota:**

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi, sila e-mel di [pre2020@treasury.gov.my](mailto:pre2020@treasury.gov.my).

---

<sup>2</sup> Sila lihat Lampiran 2

## LAMPIRAN 1

INSTITUSI	LANGKAH-LANGKAH	UNTUK MAKLUMAT LANJUT, HUBUNGI:
<b>Bank Negara Malaysia (BNM)</b>	<p>Peruntukan RM3.3 bilion di bawah Tabung BNM untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menyediakan sokongan kepada PKS dalam meneruskan operasi perniagaan, mengekalkan pekerjaan dan menggalakkan pelaburan dalam negeri. Bantuan ini disalurkan melalui institusi kewangan peserta yang terdiri daripada bank perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia oleh BNM. PKS juga boleh membuat permohonan secara dalam talian menerusi platform rujukan pembiayaan perniagaan di <a href="https://imsme.com.my">imsme.com.my</a>. Pembiayaan ini termasuklah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kemudahan Bantuan Khas dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion, bagi membantu meringankan beban aliran tunai jangka pendek PKS yang terjejas oleh wabak Covid-19. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM1 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga 5.5 tahun, termasuk enam bulan tempoh penangguhan bayaran balik. Kadar pembiayaan ditetapkan tidak melebihi 3.75% setahun.</li> <li>b. Kemudahan Agromakanan (“AgroFood”) dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion, untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara dan untuk eksport. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM5 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga lapan tahun. Kadar pembiayaan ditetapkan tidak melebihi 3.75% setahun.</li> <li>c. Kemudahan Automasi dan Digital dengan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk menggalakkan PKS mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi mereka bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM3 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun. Kadar pembiayaan adalah pada 4.00% setahun.</li> </ol>	<p><b>BNM TELELINK:</b> 1-300-88-5465</p> <p><b>BNM eLink:</b> <a href="https://telelink.bnm.gov.my">https://telelink.bnm.gov.my</a></p>
<b>Bank Simpanan Nasional (BSN)</b>	<p>Peruntukan RM200 juta kemudahan mikro kredit pada kadar 4%.</p>	<p>Customer Care Hotline: 1300 88 1900 Email: <a href="mailto:customercare@bsn.com.my">customercare@bsn.com.my</a></p>
<b>Semua Institusi kewangan di bawah kawalselia BNM</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pembiayaan khas sehingga RM1 juta tanpa cagaran di bawah kemudahan bantuan khas kepada PKS yang terjejas oleh wabak Covid-19.</li> <li>2) Kemudahan penyusunan dan penjadualan semula (“Reschedule &amp; Restructuring”) untuk perniagaan, PKS dan individu, termasuk penangguhan bayaran balik (moratorium).</li> </ol>	<p><b>Diantara institusi kewangan yang boleh dihubungi:</b></p> <p><b>1) Maybank:</b> Customer Care Hotline: 1-300 88 6688 Email: <a href="mailto:mgcc@maybank.com.my">mgcc@maybank.com.my</a></p>

		<p><b>2) CIMB Bank:</b> Customer Care Hotline: +603 6204 7788 Email: cru@cimb.com</p> <p><b>3) AmBank:</b> Customer Care Hotline: +603 2178 3188 Email: businessbanking@ambankgroup.com</p> <p><b>4) Public Bank:</b> Customer Care Hotline: +603 2176 6000 Email: smehelpdesk@publicbank.com.my</p> <p><b>5) Affin Bank Berhad:</b> Customer Care Hotline: +603-8230 2222 Email: yourvoice@affinbank.com.my</p> <p><b>6) RHB Bank:</b> Customer Care Hotline: 03-9206 8118 Email: customer.service@rhbgroup.com</p> <p><b>7) Alliance Bank:</b> Customer Care Hotline: 03-5516 9988 Email: info@alliancefg.com</p> <p><b>8) Hong Leong:</b> Customer Care Hotline: 03-2777 1565 Email: HLonline@hlbb.hongleong.com.my</p> <p><b>9) Bank Islam:</b> Customer Care Hotline: +603 26 900 900 Email: contactcenter@bankislam.com.my</p> <p><b>10) Bank Muamalat:</b> Customer Care Hotline: 1300-88-8787 Email: feedback@muamalat.com.my</p> <p><b>11) SME Bank:</b> Customer Care Hotline: 03-2603 7700 Email: customercare@smebank.com.my</p> <p><b>12) Agrobank:</b> Customer Care Hotline: 1 300 88 2476 Email: customer@agrobank.com.my</p> <p><b>13) Bank Rakyat:</b> Customer Care Hotline: 1-300-80-5454 Email: telerakyat@bankrakyat.com.my</p>
--	--	---

INSTITUSI	LANGKAH-LANGKAH	UNTUK MAKLUMAT LANJUT, HUBUNGI:
<p><b>Syarikat insurans dan takaful</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kemudahan hospitalisasi kepada pemegang polisi insurans hayat dan takaful keluarga yang sakit akibat Covid-19.</li> <li>2. Perluasan perlindungan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful kepada pemegang polisi insurans perubatan / takaful sedia ada dan pemegang polisi baharu (Jenis perlindungan adalah berbeza mengikut syarikat insurans dan takaful) seperti: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Bantuan kewangan hospitalisasi (contoh: RM200/hari selama 30 hingga 60 hari), dan diperluaskan kepada perlindungan ahli keluarga terdekat yang didiagnos Covid-19;</li> <li>b. Manfaat Kematian (sehingga RM20 ribu) – diperluaskan dengan perlindungan ahli keluarga terdekat yang didiagnos Covid-19;</li> <li>c. Pembayaran Perlindungan Khas (sehingga RM5 ribu) setelah didiagnos menghidapi penyakit Covid-19; dan</li> <li>d. Perlindungan perbelanjaan perubatan luar negeri (akibat Covid-19) ketika berurusan di luar negeri (insurans perjalanan).</li> </ol> </li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>1) Kurnia</b> Customer Care Hotline: 1800 88 6333 Email: customer@kurnia.com</li> <li><b>2) AmAssurance</b> Customer Care Hotline: 1300 80 3030 Email: customer@amassurance.com.my</li> <li><b>3) AXA Affin General Insurance Berhad</b> Customer Care Hotline: (+603) 2170 8282 Email: customer.service@axa.com.my</li> <li><b>4) Lonpac Insurance Berhad</b> Customer Care Hotline: 03 22628666 Email: customerservice@lonpac.com</li> <li><b>5) MSIG Insurance (Malaysia) Bhd</b> Customer Care Hotline 1-800-88-6744 Email: myMSIG@my.msiga.com</li> <li><b>6) Tune Insurance Malaysia Berhad (Tune Protect Malaysia)</b> Hotline: 1800 88 5753 Email: hello.my@tuneprotect.com</li> <li><b>7) Zurich General Insurance Malaysia Berhad</b> Hotline: 1-300-888-622 (within Malaysia) or +603-2109 7999 (outside Malaysia) Email: callcentre@zurich.com.my</li> <li><b>8) AXA AFFIN Life Insurance:</b> 1 300 88 1616 claims@axa-life.com.my https://www.axa.com.my/</li> <li><b>9) Etiqa Life Insurance:</b> 1-300-13-8888 info@etiqa.com.my http://www.etiqa.com.my</li> <li><b>10) AIA Bhd.:</b> 1300 88 1899 my.customer@aia.com / my.assist@aia.com www.aia.com.my</li> <li><b>11) Allianz Life:</b> 1 300 22 5542 Customer Contact/Service Center customer.service@allianz.com.my allianz.com.my</li> </ol>

		<p><b>12) Gibraltar BSN:</b>  1300-22-6262  customerservice@gibraltarbsn.com  https://www.gibraltarbsn.com</p> <p><b>13) Manulife:</b>  03-27199228  MYCustomer_Life@manulife.com  www.manulife.com</p> <p><b>14) MCIS:</b>  03-7652 3388  Customer Contact Centre  customerservice@mcis.my  https://www.mcis.my/</p> <p><b>15) Allianz Life:</b>  1 300 22 5542  Customer Contact/Service Center  customer.service@allianz.com.my  allianz.com.my</p> <p><b>16) Prudential:</b>  03 2771 0228  customer.mys@prudential.com.my  www.prudential.com.my</p> <p><b>17) Great Eastern Life:</b>  03- 42598281 / 03- 42598259  ChuWeiLing@greateasternlife.com /  FoongLoongFai@greateasternlife.com  https://www.greateasternlife.com/</p> <p><b>18) Prudential:</b>  03 2771 0228  customer.mys@prudential.com.my  www.prudential.com.my</p>
--	--	---

## LAMPIRAN 2



### SOALAN LAZIM BERKAITAN URUSAN PERCUKAIAN DALAM TEMP OH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (18 HINGGA 31 MAC 2020)

#### A. UMUM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah pejabat dan kaunter LHDNM akan beroperasi pada tempoh 18 hingga 31 Mac 2020?	<p>Semua premis LHDNM (termasuk kaunter e-Filing) di seluruh Negara ditutup mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Sila rujuk Kenyataan Media LHDNM bertarikh 17 Mac 2020 berkaitan perkhidmatan yang disediakan untuk kemudahan pelanggan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan seperti berikut:</p> <p><a href="http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media_LHDNM_17032020_SEMUA_PREMIS_LHDNM_DITUTUP_DARI_18MAC2020_HINGGA_31MAC2020.pdf">http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media_LHDNM_17032020_SEMUA_PREMIS_LHDNM_DITUTUP_DARI_18MAC2020_HINGGA_31MAC2020.pdf</a></p> <p>Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan percukaian, pembayar cukai boleh menggunakan Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan:</p> <p><a href="https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY">https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY</a></p>
2.	Adakah lanjutan masa akan diberikan, jika pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen dalam tempoh ini bagi kes sedang diaudit / disiasat?	Lanjutan masa akan diberikan sehingga 30 April 2020.

## B. ezHASiL

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Bagaimana untuk membuat permohonan no. pin e-Filing?	<p>Pembayar cukai boleh membuat permohonan melalui:</p> <p>a) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan:  <a href="https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY">https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY</a></p> <p>ATAU</p> <p>b) Panduan Pengguna di pautan:  <a href="https://ez.hasil.gov.my/CI/Bantuan_Anon.aspx">https://ez.hasil.gov.my/CI/Bantuan_Anon.aspx</a></p> <p>ATAU</p> <p>c) Hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 atau 603-8911 1100 (luar negara) untuk maklumat lanjut.</p>
2.	Bagaimana untuk mendapatkan nombor cukai pendapatan?	<p>Permohonan nombor cukai pendapatan dalam talian boleh dibuat melalui aplikasi e-Daftar.</p> <p><a href="http://edaftar.hasil.gov.my/index.php">http://edaftar.hasil.gov.my/index.php</a></p>
3.	Jika terlupa kata laluan e-Filing, apa perlu saya buat?	<p>a) Pembayar cukai mempunyai alamat e-mel berdaftar atau nombor telefon bimbit berdaftar dengan LHDNM:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Klik set semula kata laluan melalui menu 'Terlupa Kata Laluan' di ezHASiL.</li> </ul> <p>b) Pembayar cukai yang tiada alamat e-mel dan nombor telefon bimbit berdaftar; atau terdapat perubahan pada alamat e-mel berdaftar dan juga nombor telefon bimbit berdaftar:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemas kini maklumat melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan:  <a href="https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY">https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY</a></li> <li>ATAU</li> <li>ii. Hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 atau 603-8911 1100 (luar negara) untuk maklumat lanjut.</li> </ul> </li> </ul>



### C. BORANG

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah LHDNM akan memberikan tambahan masa bagi pengemukaan borang nyata secara manual atau e-Filing?	Tambahan masa diberikan seperti Program Memfail Borang Nyata bagi Tahun 2020 (Pindaan 1/2020) seperti berikut:  <a href="http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.1_1.pdf">http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.1_1.pdf</a>
2.	Adakah tambahan masa diberi bagi pengemukaan Borang CP58?	Lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020.
3.	Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukaan Borang Q di mana tarikh akhir jatuh pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 tanpa menghantar Borang N?	Lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020 tanpa perlu mengemukakan Borang N.
4.	Bagi kes pengemukaan <i>Country-by-Country Reporting</i> (CbCR)?	a) Entiti di Malaysia yang bertanggungjawab memfailkan laporan CbCR pada 31 Mac 2020 diberikan lanjutan masa sehingga 30 April 2020.  b) Pemberitahuan atau notifikasi oleh entiti konstituen bagi tujuan CbCR yang perlu dikemukakan pada 31 Mac 2020 boleh dikemukakan pada atau sebelum 30 April 2020.
5.	Bagaimana untuk mengemukakan Borang CP21, CP22, CP22A atau CP22B dalam tempoh ini?	Borang boleh dikemukakan mulai 1 April 2020.
6.	Apakah alternatif lain jika e-Resident tidak dapat digunakan kerana perlu menyertakan dokumen sokongan?	Permohonan secara manual boleh dibuat mulai 1 April 2020.
7.	Bagaimana permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) dalam tempoh ini boleh dibuat?	Permohonan SPC boleh dibuat melalui e-SPC pada bila-bila masa atau hadir ke pejabat LHDNM mulai 1 April 2020. Pemprosesan permohonan SPC akan dibuat mulai 1 April 2020.

#### D. BAYARAN

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah terdapat lanjutan masa bagi mengemukakan anggaran cukai CP204?	<p>Tarikh akhir pengemukaan CP204 yang jatuh dalam tempoh 18 hingga 31 Mac 2020 akan dilanjutkan sehingga 30 April 2020.</p> <p>Pengemukaan pindaan anggaran cukai kena dibayar (CP204A) bagi bulan ke 6 dan 9 yang perlu dikemukakan pada 31 Mac 2020 akan dilanjutkan sehingga 30 April 2020.</p>
2.	Adakah lanjutan masa diberikan bagi bayaran pertama anggaran cukai CP500?	Bayaran ansuran pertama yang sepatutnya dilakukan pada 31 Mac 2020 diberi lanjutan masa sehingga 30 April 2020.
3.	Penangguhan bayaran anggaran cukai dan pindaan anggaran cukai CP204 pada bulan ketiga (bagi kes bulan Mac 2020) ansuran dalam tahun 2020 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi.	Pengemukaan pindaan anggaran cukai CP204 pada bulan ketiga ansuran dan bayaran juga akan dilanjutkan sehingga 30 April 2020.
4.	Adakah bayaran anggaran cukai syarikat boleh ditangguhkan?	<p>Syarikat mempunyai pilihan sama ada untuk membuat penangguhan (sekiranya aktiviti syarikat berkaitan dengan pelancongan) atau pindaan anggaran cukai dalam bulan ketiga jika ansuran bulan ketiga jatuh dalam bulan Mac 2020.</p> <p>Maklumat berkaitan boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDNM.</p>
5.	Bagaimana dengan pengemukaan borang dan bayaran cukai entiti Labuan dalam tempoh ini?	Tambahan masa untuk pengemukaan borang dan bayaran cukai diberikan sehingga 30 April 2020.
6.	Adakah saya akan dikenakan kenaikan cukai sekiranya lewat membuat bayaran yang sepatutnya dibuat dalam tempoh ini?	Tidak dikenakan kenaikan cukai.

7.	Bagaimana untuk membuat transaksi bayaran yang melebihi had dibenarkan oleh perbankan internet?	<p>Bayaran cukai melebihi RM1 juta boleh dilakukan menerusi Pindahan Telegrafik (<i>Telegraphic Transfer</i>). Walau bagaimanapun, pembayar cukai perlu mengemukakan butiran lanjut pembayaran kepada LHDNM menerusi faksimili 03-6201 9637 atau menerusi e-mel kepada:</p> <p><a href="mailto:HelpTTPayment@hasil.gov.my">HelpTTPayment@hasil.gov.my</a></p> <p>Kegagalan mengemukakan maklumat akan menyebabkan bayaran tidak dapat dikemas kini pada lejar pembayar cukai.</p>
8.	Bagaimana untuk membuat cukai pegangan dalam tempoh ini?	<p>Bayaran cukai pegangan yang tarikh akhirnya antara 18 hingga 31 Mac 2020 boleh dibayar mulai dari 1 April 2020 sehingga 30 April 2020.</p> <p>Bayaran boleh juga dilakukan menerusi pindahan telegrafik (TT) dengan mengemukakan maklumat lengkap bayaran kepada LHDNM menerusi faksimili ke nombor <b>03-6201 9637</b> atau menerusi e-mel ke alamat berikut:</p> <p><a href="mailto:HelpTTPayment@hasil.gov.my">HelpTTPayment@hasil.gov.my</a></p>
9.	Adakah penalti akan dikenakan ke atas cukai pegangan yang sepatutnya dibayar dalam tempoh ini?	<p>Bayaran cukai pegangan yang tarikh akhirnya antara 18 hingga 31 Mac 2020 boleh dibayar mulai dari 1 April 2020 sehingga 30 April 2020. Penalti tidak akan dikenakan atas kelewatan bayaran.</p>
10.	Adakah bayaran kompaun PCB yang sepatutnya dibayar dalam tempoh ini ditangguhkan?	<p>Bayaran boleh dibuat sebelum 30 April 2020.</p>
11.	Adakah LHDN akan menangguhkan proses bayaran balik cukai?	<p>Proses bayaran balik akan dibuat seperti biasa.</p>

## E. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukaan borang dan bayaran cukai CKHT?	Bagi pengemukaan borang dan bayaran cukai CKHT (seksyen 21B dan bayaran atas notis taksiran) yang mana tarikh akhirnya jatuh pada 18 Mac 2020 hingga 30 April 2020, maka tarikh akhir pengemukaan borang dan bayaran adalah pada 30 April 2020.

## F. DUTI SETEM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah surat perjanjian jual beli rumah boleh disetem dalam tempoh ini?	<p>Perjanjian jual beli rumah dikenakan duti sebanyak RM10.00. Surat perjanjian jual beli rumah boleh disetem seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Pembayar duti boleh membeli setem hasil daripada Pejabat Pos.</li><li>Lekatkan setem hasil bernilai RM10 ke atas perjanjian jual beli rumah.</li><li>Batalkan setem hasil dengan membuat garis palang menggunakan pen hitam dan catat tarikh semasa ke atas setem hasil tersebut.</li></ol> <p>Cara pembatalan setem hasil ini boleh digunakan untuk dokumen yang dikenakan duti tetap di bawah perkara 4, Jadual Pertama Akta Setem 1949 seperti perjanjian jual beli rumah sahaja.</p>
2.	Apa itu Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem Secara Dalam Talian?	Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem Secara Dalam Talian (STAMPS) adalah sistem yang membolehkan permohonan taksiran dan bayaran duti setem ke atas dokumen atau perjanjian dibuat secara dalam talian.
3.	Siapakah yang boleh menggunakan STAMPS?	Semua firma guaman, syarikat, perkongsian, perniagaan, institusi kewangan atau ejen yang sah berdaftar dengan mana-mana pendaftar syarikat di Malaysia.
4.	Bolehkah individu menggunakan STAMPS?	Individu boleh menggunakan STAMPS sekiranya mempunyai perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

5.	Bagaimana jika individu tiada perniagaan yang berdaftar dengan SSM boleh membuat penyeteman dokumen dalam tempoh ini?	<p>Penyeteman dokumen individu tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh ini.</p> <p>Penyeteman perlu dibuat secara manual di kaunter Pejabat Setem Cawangan / Pusat Khidmat Hasil / UTC Johor Bharu selepas 31 Mac 2020. Penalti tidak akan dikenakan kerana lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020 ke atas semua dokumen yang sepatutnya disetamkan antara 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020.</p>
6.	Bagaimana untuk membuat pembayaran secara dalam talian?	<p>i. Bayaran dalam talian boleh dibuat oleh pengguna STAMPS melalui tab bayaran online (medium FPX) atau melalui CIMB Bizz Channel <i>online</i> atau Public Bank bagi kes yang telah berstatus sedia untuk bayaran duti.</p> <p>ii. Cetak sijil setem setelah pembayaran berjaya dilaksanakan.</p> <p>iii. Lekatkan sijil setem di atas dokumen perjanjian sebagai bukti duti setem telah dibayar.</p>
7.	Adakah saya akan dikenakan penalti sekiranya lewat membuat bayaran?	<p>Sekiranya tarikh akhir bayaran notis taksiran duti setem jatuh antara 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020, bayaran masih boleh dibuat sehingga 30 April 2020. Penalti lewat bayar tidak akan dikenakan dalam tempoh tersebut.</p>
8.	Bagaimana semakan pengesahan Sijil Setem boleh dibuat?	<p>Semakan boleh dibuat melalui:</p> <p>a) <a href="https://stamps.hasil.gov.my/stamps/">https://stamps.hasil.gov.my/stamps/</a></p> <p>ATAU</p> <p>b) aplikasi telefon mudah alih</p> <p>iv. Muat turun Aplikasi Semakan Ketulenan Sijil (ANDROID / iOS)</p>

Dikemas kini pada 19 Mac 2020